

Kira-kira 100 terima agihan

Oleh Yusrin Junaidi

BANDAR SERI BEGAWAN, 15 Sept - Ibadah korban pada hari terakhir Tasyrik terus dilaksanakan apabila kira-kira 100 orang anak-anak yatim di Daerah Brunei dan Muara dan penjaga mereka hari ini menerima daging korban daripada syarikat telekomunikasi, Telekom Brunei (TelBru).

Hadir menyempurnakan pengagihan daging korban ialah Setiausaha Tetap di Kementerian Pembangunan, Dato Paduka Eddie bin Dato Paduka Haji Sunny yang turut mengagihkan baucar perbelanjaan dan hadiah sugu hati bagi tujuan mengurangkan bebanan anak-anak yatim.

Tahun ini, TelBru mengorbankan dua ekor lembu yang disertai oleh para pegawai dan kakitangannya.

Dato Paduka Eddie mengagihkan daging-daging korban kepada anak-anak yatim dan seterusnya menyampaikan baucar perbelanjaan bagi meringankan lagi beban anak-anak yatim.

IDER 2016M bersamaan 13 Zulhijjah 1437H
wan Perpaduan



KUPU SB anjur Ihya 'Eidil Adha



Dr. Haji Adanan semasa menyempurnakan penyampaian daging korban.



Oleh Siti Nur Wasimah S.

BANDAR SERI BEGAWAN, 15 Sept - Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) telah mengadakan Ihya 'Eidil Adha Majlis Ibadah Korban KUPU SB yang telah berlangsung di Dewan Serba guna, KUPU SB, pagi tadi.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan pengagihan daging korban kepada para penerima ialah Pemangku Ra'es KUPU SB, Dr. Haji Adanan bin Haji Basar.


Majlis anjuran Unit Kerohanian Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan juga Persatuan Pelajar dan Majlis Perwakilan Pelajar, KUPU SB itu adalah bertujuan

untuk mengingati sejarah pengorbanan Nabi Ibrahim A.S dan Nabi Ismail A.S serta mendekatkan diri kepada Allah S.W.T dengan cara berzikir serta memuji kebesaran dan kekuasaan Allah S.W.T.

Selain itu, ia turut menanamkan amalan bersedekah terhadap golongan fakir miskin sekali gus mengeratkan hubungan silaturahim dalam kalangan warga KUPU SB dengan melaksanakan kerja bergotong-royong.

Pengagihan daging korban bagi tahun ini telah dibahagikan kepada para peserta yang berkorban sebanyak satu pertiga, sementara itu, satu pertiga kepada fakir miskin dan satu pertiga bahagian korban diajukan kepada warga KUPU SB.

Ibadah korban mampu kikis sifat kedekut



Pemangku Rektor UNISSA ketika menyerahkan daging korban kepada salah seorang penerima.

BANDAR SERI BEGAWAN, 15 Sept - Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) tidak ke-tinggalan untuk sama-sama memeriahkan sambutan Hari Raya Aidiladha dengan mengadakan majlis ibadah korban dan akikah yang diadakan di Gimnasium, UNISSA, petang tadi.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pemangku Rektor UNISSA, Dr. Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad, yang seterusnya mengagihkan daging korban tersebut kepada 20 keluarga fakir miskin yang tersenarai dalam bantuan Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) dan kepada warga serta ahli keluarga UNISSA.

Pada tahun ini seramai 15 orang pegawai dan kakitangan UNISSA ikut serta dalam ibadah korban berkenan.

Majlis ini adalah bertujuan untuk

mensyukuri nikmat Allah S.W.T dengan berkongsi melalui ibadah korban dan akikah dan juga bagi menyemarakkan Sambutan Hari Raya Aidiladha di UNISSA serta memberi peluang kepada warga UNISSA dan keluarga dalam melaksanakan ibadah berkenaan.

Selain untuk tolong-menolong sesama insan, paling jelas adalah kesediaan melakukan ibadat korban ini, yang mampu mengikis sifat kikir dan kedekut yang kadang-kadang boleh menjadikan keharmonian dalam masyarakat.

Ibadah korban merupakan satu amalan yang sangat dituntut untuk dilaksanakan. Ibadah ini merupakan manifestasi kepada keimanan dan ketakwaan. Perintah ini hanya dapat dilakukan pada waktu-waktu yang tertentu iaitu pada 10 Zulhijjah dan pada hari-hari Tasyrik iaitu 11, 12, dan 13 Zulhijjah.